

04 JAN 1999

DAP-Anugerah

DAP PERKENALKAN ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA 1998

PETALING JAYA, 4 Jan (Bernama) -- Parti pembangkang DAP telah memperkenalkan anugerah hak asasi manusia bagi mereka yang terlibat dalam usaha menegakkan hak asasi manusia di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Anugerah Hak Asasi Manusia Tahunan DAP, Karpal Singh hari ini berkata, anugerah 1998 akan dibahagikan kepada dua kategori satu bagi personaliti atau pertubuhan Malaysia dan satu lagi bagi personaliti atau pertubuhan antarabangsa.

Ditanya sama ada jawatankuasa itu akan menerima pencalonan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Karpal Singh berkata: "Kita akan memilih daripada semua pencalonan."

Jawatankuasa itu akan menapis dan membuat pemilihan berdasarkan kepada semua pencalonan tidak kira kaum, agama atau warna kulit, kata beliau dalam persidangan berita di ibu pejabat DAP, di sini.

Beliau berkata, parti itu memperkenalkan anugerah itu memandangkan perkembangan-perkembangan signifikan berkaitan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa dan juga perkembangan dalam negara.

Pencalonan dibuka kepada semua cawangan DAP dan orang ramai. Ia perlu sampai kepada Jawatankuasa Anugerah Hak Asasi Manusia DAP di alamat No. 24, Jalan 20/9, Paramount Garden, 46300, Petaling Jaya sebelum 28 Feb.

Para pemenang akan diumumkan pada awal Mac dan setiap pemenang akan menerima pingat emas dan sijil penghargaan.

Karpal yang juga Timbalan Pengerusi DAP berkata, pemilihan akan berdasarkan kepada beberapa kriteria termasuk sejauh mana personaliti atau pertubuhan konsisten dalam menggalakkan dan mempertahankan hak asasi manusia, tempoh masa penglibatan dalam aktiviti hak asasi manusia dan pengorbanan mereka untuk tujuan itu.

-- BERNAMA

ARA JK PR